

**KAJIAN PENILAIAN PRESTASI KOMITI SEKOLAH
DALAM PENGURUSAN FASILITI DI SEKOLAH
DASAR DI KABUPATEN BATUBARA, INDONESIA**



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

AMILIA HASBULLAH

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

ABSTRACT

School Committee is known as a key player in the practice of school based management principles which allow the community to play an important role in order to determine the quality of education. It involves school facility management as a mean to ensure an effective teaching and learning environment. However, the lack of School Committee involvement has become an issue and influenced on the quality of education particularly on school facilities. Therefore, the objective of this research is to address the performance of School Committee within the management of school facilities. Accordingly, primary school of Batubara District was chosen as a case study. In this research, the concept of facility management process and Logometrix Model were introduced as a basis to develop a framework on measuring the level of School Committee performance within school facility management. The standard of Indonesian school facility was used as the criteria on the measurement of School Committee performance. Mixed method was deployed to execute this research. The qualitative aspect involved semi structured interviews with the School Committee members of seven public primary schools in Batubara District. The interview addressed that School Committee required school facility management criteria as an effort to improve the level of School Committee involvement. Subsequently, quantitative approach deployed through 381 questionnaires distributed to stakeholders who work with and use school facilities in public primary school which spread over seven sub districts. The result revealed that the level of School Committee involvement in school facility management is low. The result on both quantitative and qualitative concluded that performance within school facility management needs to be improved.

ABSTRAK

Komiti Sekolah dikenali sebagai pemain utama dalam mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan berasaskan sekolah yang membolehkan masyarakat untuk berperanan penting dalam memastikan tahap pendidikan yang berkualiti dalam sistem pendidikan di Indonesia. Ia juga melibatkan pengurusan fasiliti sekolah sebagai satu pendekatan untuk meningkatkan tahap persekitaran pembelajaran yang berkesan. Namun, kurangnya penglibatan Komiti Sekolah telah menjejaskan tahap kualiti pendidikan terutamanya dalam aspek fasiliti sekolah. Oleh kerana itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji prestasi Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah. Sehubungan itu, sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara dipilih sebagai kajian kes. Dalam kajian ini, konsep proses pengurusan fasiliti dan Model *Logometrix* diperkenalkan sebagai asas untuk membuat rangka kerja bagi mengukur tahap prestasi Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah. Manakala *standard* fasiliti sekolah Indonesia digunakan sebagai kriteria pengukuran prestasi Komiti Sekolah. Pendekatan hibrid (*mixed method*) telah digunakan dalam kajian ini. Pendekatan kualitatif dilakukan melalui temubual separa berstruktur dengan pihak Komiti Sekolah terhadap tujuh (7) sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara untuk mengkaji peranan Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah. Hasil daripada temubual membuktikan bahawa Komiti Sekolah memerlukan kriteria pengurusan fasiliti sebagai usaha untuk meningkatkan tahap pendidikan yang berkualiti. Manakala secara kuantitatifnya, 381 borang kaji selidik telah diagihkan kepada pihak *stakeholder* iaitu golongan yang bekerja dan menggunakan fasiliti sekolah di tujuh (7) kecamatan di Kabupaten Batubara untuk mendapatkan tahap penilaian *stakeholder* terhadap penglibatan Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah. Hasil kajian menunjukkan dan membuktikan bahawa tahap penglibatan Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti berada pada tahap yang rendah. Keputusan atas kedua kajian turut menyimpulkan bahawa prestasi Komiti Sekolah dalam pengurusan



fasiliti di Sekolah Dasar Kabupaten Batubara masih perlu diperbaiki dan dilaksanakan penambahbaikan.

KANDUNGAN

| | | |
|---------------------------|----------------------------------|-----------|
| TAJUK | i | |
| PENGAKUAN | ii | |
| DEDIKASI | iii | |
| PENGHARGAAN | iv | |
| ABSTRAK | v | |
| KANDUNGAN | vii | |
| SENARAI JADUAL | xi | |
| SENARAI RAJAH | xii | |
| SENARAI KEPENDEKAN | xiii | |
| SENARAI LAMPIRAN | xiv | |
| BAB 1 | PENGENALAN | 1 |
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 2 |
| 1.2 | Penyataan Masalah | 3 |
| 1.3 | Persoalan Kajian | 8 |
| 1.4 | Objektif Kajian | 8 |
| 1.5 | Skop Kajian | 9 |
| 1.6 | Metodologi Kajian | 9 |
| 1.7 | Kepentingan Kajian | 11 |
| 1.8. | Organisasi Bab | 12 |
| BAB 2 | KAJIAN LITERATUR | 14 |
| 2.1 | Pengenalan | 14 |
| 2.2 | Pengurusan Fasiliti | 15 |
| 2.2.1 | Definisi Pengurusan Fasiliti | 15 |
| 2.2.2 | Tujuan Pengurusan Fasiliti | 17 |
| 2.2.3 | Proses dalam Pengurusan Fasiliti | 18 |
| 2.3 | Pengurusan Fasiliti Sekolah | 20 |

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 2.3.1 | Keperluan Pengurusan Fasiliti di Sekolah Dasar | 21 |
| 2.3.2 | <i>Hard and Soft Facility Management</i> dalam Pembelajaran | 22 |
| 2.3.3 | Rekabentuk Fasiliti Ruang Pembelajaran | 23 |
| 2.4 | Konsep Penglibatan Masyarakat dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah | 28 |
| 2.4.1 | Pendekatan Kepuasan Ibu Bapa | 28 |
| 2.4.2 | Konsep pengurusan Fasiliti berasaskan Masyarakat (CbFM) | 30 |
| 2.4.2.1 | Rangka Kerja CbFM | 33 |
| 2.4.2.2 | Faktor Urus Tadbir dan Penglibatan | 33 |
| 2.4.2.3 | Faktor Persekitaran | 34 |
| 2.4.2.4 | Faktor Pembangunan Sosial Ekonomi | 34 |
| 2.5 | Pendekatan Pengukuran Prestasi Pengurusan Fasiliti dalam sektor awam | 35 |
| 2.5.1 | Pengukuran Prestasi dalam Organisasi | 35 |
| 2.5.2 | Indeks Prestasi Sekolah | 36 |
| 2.5.3 | Model <i>Logometrix</i> | 37 |
| 2.5.4 | Sistem Penilaian Khidmat Pelanggan | 40 |
| 2.6 | Ketentuan Fasiliti dan Infrastruktur Sekolah Dasar di Indonesia | 42 |
| 2.7 | Kesimpulan | 46 |
| BAB 3 | METODOLOGI | 50 |
| 3.1 | Pengenalan | 50 |
| 3.2 | Reka bentuk Kajian | 51 |
| 3.3 | Ulasan Kerangka Konseptual | 53 |
| 3.4 | Pendekatan Hibrid (<i>Mixed Method Research</i>) | 54 |
| 3.5 | Pendekatan Kuantitatif | 55 |
| 3.5.1 | Rekabentuk Kajian Kuantitatif | 55 |
| 3.5.2 | Skop Kajian | 56 |
| 3.5.3 | Populasi dan Persampelan Kajian | 56 |
| 3.5.4 | Pengumpulan Data | 57 |
| 3.5.5 | Penyusunan Borang Kaji Selidik | 58 |
| 3.5.6 | Skala Penilaian | 59 |



PTT
PERPUSTAKAAN TUNJUNGU TUN AMINAH

| | | |
|--------------|--|-----------|
| 3.5.7 | Analisis Data | 60 |
| 3.5.8 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 62 |
| 3.5 | Pendekatan Kualitatif | 62 |
| 3.5.1 | Reka Bentuk Kajian Kualitatif | 63 |
| 3.5.2 | Lokasi Kajian | 64 |
| 3.5.3 | Pesampelan Kajian | 64 |
| 3.5.4 | Pengumpulan Data | 66 |
| 3.5.5 | Analisis Data | 67 |
| 3.6 | Pengukuran Prestasi Komiti Sekolah dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah | 67 |
| 3.7 | Kesimpulan | 70 |
| BAB 4 | Pengenalan Kepada Kes Kajian | 71 |
| 4.1 | Pengenalan | 71 |
| 4.2 | Paradigma hubungan antara keluarga, sekolah, dan masyarakat | 73 |
| 4.3 | Kedudukan Komiti Sekolah dalam dunia pendidikan | 74 |
| 4.4 | Komiti Sekolah dalam Sistem Pendidikan di Indonesia | 75 |
| 4.5 | Peranan Komiti Sekolah | 76 |
| 4.6 | Komiti Sekolah dasar di Kabupaten Batubara | 78 |
| 4.7 | Kesimpulan | 85 |
| BAB 5 | Analisis dan Penemuan Kajian | 87 |
| 5.1 | Pengenalan | 87 |
| 5.2 | Pendekatan Kuantitatif | 88 |
| 5.2.1 | Persepsi <i>stakeholder</i> terhadap Penglibatan Komiti Sekolah daripada Perspektif Perkhidmatan | 88 |
| 5.2.2 | Persepsi <i>stakeholder</i> terhadap penglibatan Komiti Sekolah daripada Perspektif Fizikal | 90 |
| 5.2.3 | Persepsi <i>stakeholder</i> terhadap penglibatan Komiti Sekolah dari Perspektif Kewangan | 93 |
| 5.2.4 | Persepsi <i>stakeholder</i> terhadap penglibatan Komiti Sekolah daripada Perspektif Persekitaran | 94 |
| 5.2.5 | Tahap Penilaian <i>Stakeholder</i> terhadap penglibatan Komiti Sekolah di dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah | 96 |
| 5.3 | Pendekatan Kualitatif | 103 |



PTM

PERPUSTAKAAN PINKU TUNJAMINAH

| | | |
|--------------|---|------------|
| 5.3.1 | Profil Responden | 104 |
| 5.3.2 | Kategori Umur | 104 |
| 5.3.3 | Tahap Pendidikan | 105 |
| 5.3.4 | Tempoh Berkhidmat | 106 |
| 5.3.5 | Kefahaman Responden tentang Pengurusan Fasiliti Sekolah | 106 |
| 5.36 | Menilai tahap penglibatan Komiti Sekolah dalam proses pengurusan fasiliti sekolah | 107 |
| 5.4 | Prestasi Komiti Sekolah dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah Dasar | 110 |
| 5.5 | Kesimpulan | 113 |
| BAB 6 | RUMUSAN : HASIL KAJIAN DAN CADANGAN | 115 |
| 6.1 | Pengenalan | 115 |
| 6.2 | Rumusan Keseluruhan Kajian | 115 |
| 6.3 | Ulasan Persoalan Kajian | 117 |
| 6.4 | Ulasan Objektif Kajian | 118 |
| 6.5 | Limitasi dan batasan Kajian | 119 |
| 6.6 | <i>Novelty</i> dan Implikasi Kajian | 119 |
| 6.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 120 |
| 6.7 | Kesimpulan | 120 |
| | RUJUKAN | 121 |
| | LAMPIRAN | 131 |



SENARAI JADUAL

| | | |
|-----|--|-----|
| 2.1 | Komponen dan Unsur Pengurusan Fasiliti dalam Sekolah Dasar | 24 |
| 2.2 | Kajian Pengurusan Fasiliti di Sekolah Dasar | 27 |
| 2.3 | Perkembangan Isu Pengurusan Fasiliti dalam Bidang Sosial | 32 |
| 2.4 | Skala <i>Rating</i> Penilaian Khidmat Pelanggan | 41 |
| 2.5 | Adaptasi Dimensi <i>Logometrix</i> dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah | 46 |
| 3.1 | Populasi <i>Stakeholder</i> Sekolah Dasar Kabupaten Batubara | 56 |
| 3.2 | Skala Penilaian <i>Stakeholder</i> atas Penglibatan Komiti Sekolah Dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah | 60 |
| 3.3 | Kaedah Pengukuran Penilaian <i>Stakeholder</i> | 61 |
| 3.4 | Komiti Sekolah yang ditemubual | 65 |
| 3.5 | Kriteria bagi Menilai Prestasi Komiti Sekolah dalam Pengurusan Fasiliti | 69 |
| 4.1 | Jumlah Sekolah, Komiti Sekolah Dasar Kabupaten Batubara | 81 |
| 4.2 | Jumlah Sekolah, Murid, dan Guru Sekolah Dasar Negeri Kabupaten Batubara | 81 |
| 4.3 | Profil Komiti Sekolah di Kabupaten Batubara | 83 |
| 5.1 | Kaedah Penilaian <i>Stakeholder</i> terhadap penglibatan Komiti Sekolah | 96 |
| 5.2 | Tahap Pendidikan Responden | 105 |
| 5.3 | Tempoh Berkhidmat Responden | 103 |
| 5.4 | Kefahaman Tentang Fasiliti Sekolah | 107 |
| 5.5 | Penglibatan Komiti Sekolah dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah Dasar di Kabupaten Batubara | 108 |



| | | |
|-----|---|-----|
| 5.6 | Prestasi Komite Sekolah dalam Pengurusan Fasilitas Sekolah Dasar di Kabupaten Batubara, Indonesia | 111 |
|-----|---|-----|

SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|--|----|
| .1 | Carta Aliran Metodologi Kajian (Kajian Penulis, 2009) | 10 |
| 2.1 | Definisi Pengurusan Fasilitas | 17 |
| 2.2 | Proses Pengurusan Fasilitas | 18 |
| 2.3 | Reka Bentuk Fasilitas Pembelajaran | 23 |
| 2.4 | Model konseptual kepuasan persatuan ibu bapa dan guru | 29 |
| 3.1 | Kerangka Kajian Konseptual | 52 |
| 3.2 | Proses Pengukuran Prestasi Komite Sekolah dalam Pengurusan Fasilitas | 65 |
| 4.1 | Paradigma baru hubungan antara keluarga, sekolah, dan masyarakat | 73 |
| 4.2 | Penglibatan Komite Sekolah dalam RPS | 79 |
| 4.3 | Peta Kabupaten Batubara serta tujuh buah kecamatan kes kajian | 80 |
| 5.1 | Persepsi <i>Stakeholder</i> terhadap Penglibatan Komite Sekolah daripada Perspektif Perkhidmatan | 90 |
| 5.2 | Persepsi <i>Stakeholder</i> terhadap Penglibatan Komite Sekolah daripada Perspektif Fizikal | 92 |
| 5.3 | Persepsi <i>Stakeholder</i> terhadap Penglibatan Komite Sekolah daripada Perspektif Kewangan | 93 |
| 5.4 | Persepsi <i>Stakeholder</i> terhadap Penglibatan Komite Sekolah daripada Perspektif Persekitaran | 95 |
| 5.5 | Skor Min Penglibatan Komite Sekolah Kecamatan Tanjung Tiram | 97 |
| 5.6 | Skor Min Penglibatan Komite Sekolah Kecamatan Sei. Balai | 96 |

| | | |
|------|--|-----|
| 5.7 | Skor Min Penglibatan Komiti Sekolah Kecamatan Talawi | 99 |
| 5.8 | Skor Min Penglibatan Komiti Sekolah Kecamatan Lima Puluh | 100 |
| 5.9 | Skor Min Penglibatan Komiti Sekolah Kecamatan Air Putih | 101 |
| 5.10 | Skor Min Penglibatan Komiti Sekolah Kecamatan Medang Deras | 102 |
| 5.11 | Skor Min Penglibatan Komiti Sekolah Kecamatan Sei. Suka | 103 |
| 5.12 | Kategori Umur Responden | 105 |



SENARAI KEPENDEKAN

| | | |
|--------------|---|--|
| BIFM | - | <i>British Institute of Facilities Management</i> |
| CbFM | - | <i>Community based Facility Management (CbFM)</i> |
| CEFM | - | <i>Centre of Excellent For Facilities Management</i> |
| CFM | - | <i>Centre For Facilities Management</i> |
| Depdiknas | - | <i>Departemen Pendidikan Nasional</i> |
| Dikdas | - | <i>Dinas Pendidikan Dasar</i> |
| FM | - | <i>Facilities Management (Pengurusan Fasiliti)</i> |
| IFMA | - | <i>International Facility Management Association</i> |
| Permendiknas | - | <i>Peraturan Menteri Pendidikan Nasional</i> |
| RPS | - | <i>Rencana Pembangunan Sekolah</i> |
| RAPBS | - | <i>Rencana Pendapatan dan Belanja Sekolah</i> |
| SD | - | <i>Sekolah Dasar</i> |
| SMP | - | <i>Sekolah Menengah Pertama</i> |
| SMA | - | <i>Sekolah Menengah Atas</i> |
| UNESCO | - | <i>United Nation Educational, Scientific and Cultural Organization</i> |
| UUD | - | <i>Undang-Undang Dasar</i> |

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

131

Lampiran B

135



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan adalah proses untuk mendapatkan pengetahuan dan menerapkannya ke dalam kehidupan. Pendidikan juga mampu menghasilkan individu, kumpulan dan masyarakat yang mampu menghadapi pelbagai cabaran. Ia membuka jalan kepada setiap individu bagi memperolehi kepercayaan diri untuk kehidupan yang lebih baik. Salah satu petunjuk kejayaan sesebuah negara adalah ditentukan oleh pendidikan yang berkualiti. Namun begitu, statistik daripada UNESCO (2008) menunjukkan seorang daripada lima orang kanak-kanak di seluruh dunia tidak dapat membaca dan sejumlah 75,000 orang kanak-kanak tidak berpeluang ke sekolah. Sehubungan itu, seluruh dunia telah memutuskan untuk meletakkan pendidikan sebagai keperluan asas yang perlu dipenuhi. Dalam agenda *Millenium Development Goals* 2015, kesepakatan pemimpin seluruh dunia telah menyatakan bahawa kanak-kanak yang bersekolah perlu mendapat pendidikan yang berkualiti.

Di Indonesia, sektor pendidikan merupakan agenda utama dalam pembangunan. Bank Dunia (2008) telah menyatakan bahawa perbelanjaan negara untuk sektor pendidikan terus meningkat sejak berlakunya krisis ekonomi di Asia. Pada tahun 2007, perbelanjaan pendidikan mencapai 16% daripada keseluruhan perbelanjaan negara. Sehubungan itu, memperluaskan rangkaian dan meningkatkan mutu pendidikan adalah sebahagian daripada rancangan strategik Kementerian Pendidikan di Indonesia. Merujuk kepada sistem dan keperluan sekolah yang terus berkembang, Bank Dunia (2008), mencatatkan bahawa sistem sekolah di Indonesia adalah pelbagai dan menyeluruh. Indonesia memiliki lebih daripada 250,000 sekolah dan menjadi kawasan pendidikan ke tiga terbesar di kawasan Asia selepas China dan India. Indonesia mengamalkan sistem pendidikan yang pelbagai, Departemen Pendidikan juga memberikan peluang kepada masyarakat untuk terlibat

secara langsung dalam sistem pendidikan itu sendiri. Hal ini dinyatakan dalam Undang-Undang No. 20, tahun 2003 tentang sistem pendidikan di Indonesia yang melibatkan masyarakat dalam perancangan, pelaksanaan, pengawasan dan penilaian program pendidikan.

1.2 Latarbelakang Kajian

Pendidikan menjadi faktor dalaman bagi penentuan kejayaan sesuatu bangsa dan keupayaan memberikan kemakmuran kepada masyarakat. Seperti yang dinyatakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa pendidikan merupakan faktor utama bagi meningkatkan kualiti hidup dan bagi memastikan kemajuan sosial ekonomi masyarakat (Todaro, 2000). Sebagai sebahagian daripada komponen pendidikan, sekolah merupakan institusi formal yang menjalankan strategi pendidikan dan yang memiliki pengaruh penting untuk menghasilkan pendidikan yang berkualiti.

Dalam rangka mewujudkan pendidikan yang berkualiti, ketersediaan dan kemudahan fasiliti yang mencukupi adalah merupakan faktor penting. Persekitaran pembelajaran yang kondusif akan memberikan kesan positif bagi peningkatan kualiti pendidikan. Bagi mencapai tujuan itu, usaha yang dilakukan secara bersepadu dan berkaitan iaitu antara satu sama lain iaitu pihak kerajaan, pihak pengurusan sekolah dan masyarakat itu sendiri adalah sangat penting.

Penglibatan masyarakat dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, khususnya di sekolah dapat dilihat melalui organisasi formal seperti Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Tujuan organisasi formal tersebut adalah untuk memudahkan penglibatan ibu bapa dan masyarakat dalam proses membuat keputusan sekolah.

Di Indonesia, penglibatan masyarakat dalam meningkatkan mutu pendidikan di sekolah dikenali sebagai 'Komiti Sekolah'. Melalui keputusan Menteri Pendidikan Nasional No. 044/U/2002, organisasi ini diharapkan dapat mengambil bahagian dalam membuat keputusan bagi meningkatkan mutu pendidikan.

Edward (1992) menyatakan bahawa faktor penglibatan ibu bapa, fasiliti sekolah dan prestasi murid mempunyai pengaruh antara satu sama lain. Ia menjelaskan bahawa keadaan fasiliti di sekolah dipengaruhi oleh penglibatan ibu

bapa, dan keadaan tersebut memberi pengaruh kepada prestasi murid di sekolah. Oleh itu, penglibatan kedua-dua pihak iaitu ibu bapa dan masyarakat turut menyumbang kepada kualiti pendidikan.

1.3 Penyataan Masalah

Kerajaan Indonesia, khususnya Departemen Pendidikan, menyedari pentingnya proses peningkatan kualiti modal insan dan berusaha merealisasikannya melalui penambahbaikan kurikulum, penambahbaikan infrastruktur pendidikan, pengembangan dan penyediaan bahan pembelajaran serta latihan guru dan sumber tenaga pendidikan yang lain. Bagaimanapun, dari segi realitinya usaha-usaha yang dilaksanakan belum mencukupi dalam meningkatkan kualiti pendidikan (Departemen Pendidikan Nasional, 2001:2).

Masalah pendidikan yang berlaku di Indonesia terutamanya mengenai kekurangan kelengkapan seperti bangunan sekolah serta fasiliti dan infrastruktur sekolah yang berada dalam keadaan kritikal, menyebabkan proses pembelajaran tidak dapat berjalan dengan baik. Meskipun kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan pendidikan yang terus meningkat, namun ianya tidak cukup untuk menjanjikan bahawa proses peningkatan mutu pendidikan berjalan dengan lancar seperti yang sepatutnya.

Kompleksnya masalah pendidikan yang dihadapi memerlukan perhatian dan sokongan daripada masyarakat. Penglibatan masyarakat yang kurang menjadi salah satu petunjuk rendahnya mutu pendidikan. Direktorat Pembinaan Taman Kanak-Kanak dan Sekolah Dasar, Departemen Pendidikan Nasional (2009), menyatakan bahawa salah satu faktor yang menyebabkan mutu pendidikan tidak mengalami peningkatan secara menyeluruh adalah peranan serta penglibatan masyarakat terutama ibu bapa murid dalam penyelenggaraan pendidikan yang selama ini hanya terbatas kepada sokongan dana, padahal peranan serta penglibatan mereka adalah sangat penting dalam proses pendidikan yang antara lainnya adalah dalam membuat keputusan, pemantauan, penilaian dan pentadbiran terutamanya dalam peraturan sekolah.

Blair (2006), menyatakan bahawa dengan memberikan peluang kepada masyarakat dalam menyampaikan isu yang mereka anggap penting, akan

memberikan kekuatan yang lebih berarti, ini memberikan kesempatan kepada warga dan masyarakat untuk mengemukakan pendapat mengenai perkhidmatan yang mereka terima dan persekitaran di mana mereka tinggal. Oleh yang demikian, penglibatan masyarakat secara langsung memberikan impak terhadap proses pembangunan dalam segala aspek, termasuklah dalam aspek pendidikan. Di samping itu, Uline (1997), menjelaskan bahawa sekolah memainkan peranan yang simbolik dalam masyarakat, ianya membawa mesej yang kuat tentang nilai komuniti dan kepentingan kepada pendidikan. Ia juga dilengkapi dengan aturcara di mana pelajar, guru, ibu bapa dan komuniti berinteraksi antara satu dan lain.

Perhubungan antara masyarakat, ibu bapa, guru, murid, dan fasiliti sekolah sangat berkait rapat bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan baik. Pengurusan yang baik terhadap fasiliti sekolah memberikan pengaruh yang baik terhadap persekitaran pembelajaran dan prestasi murid di sekolah. Kajian yang dilakukan oleh Lemaster (1997) dalam menganalisis hubungan antara prestasi murid dan fasiliti sekolah menunjukkan bahawa murid mempunyai skor pencapaian yang tinggi apabila berada dalam persekitaran pembelajaran yang menyediakan kemudahan fasiliti yang baru. Lemaster (1997), juga menemui bahawa apabila keadaan fasiliti meningkat, pencapaian juga meningkat.

Dalam konteks keadaan fasiliti sekolah di Indonesia, ia berada dalam keadaan yang teruk, dan tidak dapat memberikan persekitaran yang kondusif bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Data dinas pendidikan tahun 2008 menunjukkan 48% atau sebanyak 418,382 unit bangunan sekolah dasar dalam keadaan rosak daripada jumlah keseluruhan sekolah dasar di Indonesia yang berjumlah 872, 652 unit. Berbanding dengan data Sekolah Menengah Pertama (SMP) dan Sekolah Menengah Atas (SMA), data Sekolah Dasar menunjukkan keadaan sekolah yang paling banyak mengalami kerosakan.

Statisik juga menunjukkan di Kabupaten Batubara kerosakan bangunan sekolah mencatat angka yang signifikan. Menurut Pengetua Jabatan Pendidikan (Harian Analisa, 2008) mendapati 508 buah bilik darjah mengalami kerosakan teruk, terutamanya bilik darjah sekolah dasar negeri iaitu berjumlah 495 buah, diikuti bilik darjah sekolah menengah sebanyak sembilan buah.

Catatan mengenai isu yang berkaitan dengan keadaan fasiliti sekolah di Kabupaten Batubara juga diungkapkan oleh Jabatan Pendidikan Dasar di Kabupaten tersebut, bahawa keadaan sekolah yang teruk dikhuatiri akan mempengaruhi

semangat pelajar untuk belajar. Dalam hal ini, bangunan bilik darjah sepatutnya mendapatkan pembaikan fizikal khususnya dalam aspek fasiliti dan infrastruktur. Sudah sepatutnya penambahbaikan terhadap kualiti fizikal fasiliti dalam dunia pendidikan di Kabupaten Batubara dilaksanakan dengan cepat dan cekap demi menuju ke arah peningkatan kualiti pendidikan.

Hujah terhadap situasi fasiliti yang teruk dan buruk bukan sahaja berdasarkan jumlah yang terdapat dalam angka-angka yang dinyatakan, tetapi permasalahan pengurusan fasiliti tidak diambil serius oleh pihak kerajaan, mahupun masyarakat, telah turut menjejaskan pencapaian fasiliti pendidikan yang sempurna. Sehingga kini, fungsi pengurusan fasiliti dijalankan secara lemah oleh Kepala Sekolah atau Pengetua Sekolah yang menerima laporan daripada guru atau pun pekerja sekolah apabila fasiliti sekolah mengalami kerosakan dan memerlukan penambahan, atau pun perlu diperbaiki. Prosedurnya adalah, Pengetua Sekolah akan menyampaikan kepada Dinas Pendidikan, dan jika ada bantuan pembangunan atau *Block Grant*, untuk memperbaiki kerosakan maka urusan tersebut dapat diselesaikan.

Oleh kerana masalah pendidikan yang dihadapi oleh Kerajaan Indonesia pada masa kini adalah sangat kompleks, maka penglibatan masyarakat melalui Komite Sekolah dianggap dapat membantu menyelesaikan masalah pendidikan tersebut. Oleh yang demikian, keputusan Menteri Pendidikan berkenaan peranan Komite Sekolah yang tersebut adalah bertujuan menggalakkan Komite Sekolah memberikan sumbangan dan memainkan peranan yang lebih signifikan dalam memajukan tahap pendidikan di setiap sekolah. Keputusan tersebut juga telah menyokong aspek bagi mewujudkan sistem *school based management* di sekolah-sekolah. Sistem ini dijangka dapat memberi kemudahan serta kebebasan kepada pihak sekolah dan masyarakat dalam menentukan peraturan yang dianggap perlu untuk dikembangkan bagi memajukan sistem pendidikan. Ini termasuk usaha bagi mewujudkan fasiliti yang lengkap bagi tujuan menyediakan sistem pendidikan yang berkualiti.

Pada dasarnya, penubuhan Komite Sekolah adalah untuk meningkatkan tanggungjawab dan penyertaan masyarakat dalam pelaksanaan sistem pendidikan. Walau bagaimanapun, apa yang berlaku tidaklah seperti yang diharapkan. Seperti yang dinyatakan oleh Suparlan (2009) bahawa secara kuantitatif keadaan Komite Sekolah adalah cukup membanggakan, namun secara kualitatifnya ia masih perlu diberi perhatian. Selain itu, pada awalnya proses pembentukan Komite Sekolah hanya untuk memenuhi syarat mendapatkan *block grant*, dan dibentuk keahliannya

oleh pengetua sekolah, di samping ia hanya berfungsi sebagai kegiatan yang sah bagi sesebuah sekolah untuk memohon yuran sekolah sahaja.

Fasiliti menjadi salah satu faktor penting dalam menyumbang persekitaran pembelajaran yang kondusif. Dalam konteks ini, Komite Sekolah sudah sepatutnya mempunyai peranan dan pengaruh yang sangat signifikan bagi memastikan penyediaan fasiliti dan infrastruktur yang baik dalam menyokong terciptanya persekitaran pembelajaran yang berkesan.

Sehingga ke hari ini, pihak Komite Sekolah masih gagal memainkan peranan yang berkesan dalam membantu mewujudkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran melalui penyediaan fasiliti berkualiti bagi sekolah-sekolah di Indonesia. Ini terbukti daripada laporan yang mengatakan bahawa terdapat fasiliti yang berkeadaan tidak sempurna dan tidak sesuai disebagian besar sekolah-sekolah dasar negeri di Indonesia. Oleh kerana itu, sistem yang mengatur Komite Sekolah dalam melaksanakan proses pengurusan fasiliti perlu diberi perhatian sebaik mungkin.

Pada hakikatnya, Komite Sekolah memiliki pengaruh dalam membuat keputusan penting di sekolah. Ia seharusnya juga boleh memainkan peranannya dalam proses pengurusan fasiliti di sekolah, seperti membuat keputusan serta perancangan dalam rangka menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif bagi para guru dan murid.

Menurut Atkin (2003), pengurusan fasiliti dan prestasi pengurusan itu sendiri memainkan peranan penting dalam menyokong aktiviti teras sesebuah organisasi. Ia termasuklah dalam menguruskan fasiliti sekolah bagi mencapai matlamat pendidikan yang berkualiti. Dalam perkembangannya, pengurusan fasiliti juga mengambil kira faktor penglibatan masyarakat, yang dikenali dengan konsep pengurusan fasiliti berasaskan masyarakat (CbFM). Setakat ini, kajian yang dilaksanakan berdasarkan konsep CbFM hanya tertumpu dalam bidang ekonomi dan alam sekitar. Manakala kajian yang menggunakan CbFM dalam konteks pendidikan masih belum diterokai sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, pendekatan CbFM dalam kaitannya dengan Komite Sekolah belum mencukupi bagi menjawab kewujudannya dalam pengurusan fasiliti sekolah. Kewujudan Komite Sekolah yang dinilai dari pihak pengguna fasiliti juga perlu diambil kira bagi memastikan sejauh manakah penglibatannya dalam pengurusan fasiliti sekolah bagi menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif

dan berkualiti. Oleh yang demikian, kajian ini memerlukan pendekatan teoritikal yang komprehensif bagi menjawab kewujudan Komite Sekolah dan status prestasinya dalam pengurusan fasiliti sekolah. Dengan demikian, peranan dan pengaruhnya dalam mencapai pendidikan yang berkualiti dapat dioptimumkan.

Huraian di atas membuktikan bahawa kajian mengenai penglibatan Komite Sekolah sebagai entiti masyarakat dalam pengurusan fasiliti sekolah adalah penting. Ini kerana peranannya melalui kerjasama dengan pihak sekolah memberikan pengaruh yang sangat signifikan dalam menyediakan suasana pembelajaran yang efektif, seterusnya bagi tujuan meningkatkan mutu pendidikan di Indonesia. Sehubungan itu, bahagian seterusnya membincangkan beberapa persoalan yang timbul berkaitan penglibatan serta peranan Komite Sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi menggambarkan keperluan dalam menilai penglibatan Komite Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah, kajian ini memfokuskan kepada beberapa persoalan kajian iaitu:

1. Bagaimanakah Komite Sekolah memainkan peranan dalam meningkatkan fasiliti sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara, Propinsi Sumatera Utara, Indonesia?
2. Sejauhmanakah persepsi *stakeholder* terhadap penglibatan Komite Sekolah dalam memainkan peranannya dalam pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara, Propinsi Sumatera Utara, Indonesia?
3. Apakah prestasi Komite Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara, Propinsi Sumatera Utara, Indonesia?

1.5 Objektif Kajian

Keperluan bagi mengoptimumkan peranan Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti merupakan sesuatu yang perlu untuk dilaksanakan. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan mencapai objektif berikut:

1. Mengenal pasti peranan Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara, Propinsi Sumatera Utara, Indonesia.
2. Menilai tahap penglibatan Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara, Propinsi Sumatera Utara, Indonesia melalui persepsi *stakeholder*.
3. Mengukur prestasi Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri di Kabupaten Batubara, Propinsi Sumatera Utara, Indonesia.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan kepada Komiti Sekolah yang terdapat di sekolah dasar (SD) kerajaan yang terletak di Kabupaten Batubara serta meliputi tujuh buah Kabupaten (kecamatan), iaitu: Kecamatan Medang Deras, Sei Suka, Sei Balai, Air Putih, Lima Puluh, Talawi, dan Tanjung Tiram. Kabupaten Batubara mewakili kabupaten lain yang terdapat di seluruh Indonesia dari segi melaksanakan prinsip otonomi kabupaten. Prinsip otonomi Kabupaten menuntut pihak berkuasa tempatan mahupun komuniti dalam kawasannya untuk aktif dalam menentukan konsep pembangunan, termasuk penyertaan masyarakat dalam sektor pendidikan.

1.7 Metodologi Kajian


Metodologi kajian mengandungi langkah-langkah yang perlu dipersiapkan bagi mencapai objektif kajian. Tahap kajian literatur sehingga membentuk kerangka konseptual kajian adalah sesuatu yang mutlak bagi memudahkan pencapaian objektif kajian. Pendekatan hibrid (*mixed method*) digunakan bagi merangkumi matlamat kajian ini. Manakala kajian kes turut digunapakai bagi mendapatkan gambaran yang terperinci mengenai Komite Sekolah dan peranannya di Kabupaten Batubara, Negeri Sumatra Utara, Indonesia.

Dalam kajian ini, metodologi kajian terbahagi kepada beberapa peringkat iaitu dengan melaksanakan kajian-kajian yang bersifat teoritikal yang melibatkan pencarian maklumat berdasarkan teori, konsep, dan pendekatan-pendekatan ilmiah lainnya yang diperolehi melalui pelbagai jurnal, buku, dan kajian lepas, dimana ia mempunyai kaitan dengan topik kajian.

Kajian teoritikal yang telah dijalankan seterusnya membentuk kerangka konseptual dalam memudahkan tercapainya objektif kajian yang telah ditetapkan. Pendekatan hibrid (*mixed method*), iaitu gabungan pendekatan kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Secara kualitatif, temu bual ke atas pihak Komite Sekolah dijalankan untuk mendapatkan maklumat mengenai peranan Komite Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah. Manakala secara kuantitatif, kaedah edaran kaji selidik dilaksanakan untuk mendapat maklum balas pihak *stakeholder*, iaitu pihak ibu bapa dan guru dan juga sebagai pengguna fasiliti sekolah mengenai tahap penglibatan Komite Sekolah dalam Pengurusan Fasiliti Sekolah.

Kaedah analisis yang digunakan bagi pendekatan kualitatif adalah kaedah analisis kandungan. Manakala bagi pendekatan kuantitatif adalah analisis statistik deskriptif menggunakan Perisian SPSS dan Microsoft Excell.

Rajah 1.2 memaparkan ilustrasi metodologi kajian yang dilaksanakan dalam kajian ini bagi tujuan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan secara terperinci dinyatakan dalam Bab Tiga.



Rajah 1.1: Carta Aliran Metodologi Kajian (Olahan Penyelidik, 2009)

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan adalah penting di mana ia dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap hubungkait serta kesan peranan Komite Sekolah dalam penyediaan suasana serta persekitaran pembelajaran dan pengajaran yang berkualiti di sekolah-sekolah dasar negeri Indonesia, melalui keberkesanan keputusan yang dibuat dalam proses pengurusan fasiliti sekolah-sekolah dasar negeri.

Kajian ini juga menghasilkan kerangka konseptual bagi menilai penglibatan masyarakat dalam pengurusan fasiliti berasaskan masyarakat (CbFM) dalam konteks pendidikan, yang mana ini amat signifikan bagi penemuan jawapan kepada persoalan

kajian tentang peranan Komite Sekolah dalam aspek pengurusan fasiliti sekolah. Selain itu, hasil kajian juga dapat memberi faedah dari segi cadangan pendekatan bagi memperbaiki prestasi penglibatan Komite Sekolah dalam pengurusan fasiliti terutamanya di peringkat sekolah dasar.

Dari segi mencapai matlamat kajian bagi mengenal pasti dan mengukur sejauhmana penglibatan Komite Sekolah dalam isu pengurusan fasiliti di sekolah dasar, ianya diharapkan dapat dijadikan asas bagi pihak pendidikan di Indonesia terutamanya bagi pihak Departemen Pendidikan Dasar untuk mengetahui dan mengambil langkah strategik bagi penambahbaikan kualiti penglibatan Komite Sekolah terutamanya dalam aspek pengurusan fasiliti. Hasil kajian ini diharapkan dapat diadaptasi dan digunakan oleh masyarakat setempat dalam mengambil peranan serta menggalakkan perkembangan pendidikan berkualiti khususnya di Indonesia.

1.9 Organisasi Bab

Tesis ini dibahagi kepada enam bab yang mana distruktur khusus bagi mencapai objektif kajian. Berikut dijelaskan secara terperinci struktur kandungan setiap bab.

Bab Satu membincangkan pengenalan kajian terhadap isu pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri dan kaitannya dengan penglibatan masyarakat iaitu Komite Sekolah yang terdapat di Batubara, Indonesia. Di samping itu, bab ini mengemukakan persoalan kajian sebagai asas panduan bagi mencapai objektif kajian. Manakala skop kajian, metodologi kajian, kepentingan kajian, juga turut dibincangkan sebagai perkara yang asas dalam menyusun kajian ini secara saintifik.

Bab Dua membahas kajian literatur mengenai proses pengurusan fasiliti yang boleh diadaptasi dalam konsep pengurusan fasiliti berasaskan masyarakat atau yang dikenali sebagai *Community based Facility Management (CbFM)*. Pendekatan yang berhubungan dengan kaedah mengukur prestasi sesebuah organisasi masyarakat dalam proses pengurusan fasiliti juga turut dibincangkan bagi membentuk asas kerangka konseptual yang digunakan dalam pembentukan metodologi kajian.

Seterusnya, Bab Tiga menjelaskan reka bentuk serta metodologi bagi mencapai objektif kajian. Bab ini juga membincangkan pendekatan penyelidikan yang digunakan iaitu gabungan dari kedua-dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Penentuan instrumen, jumlah sampel serta populasi kajian dan kaedah-kaedah

analisis data yang digunakan turut dibincangkan dan menjadi sebahagian daripada aliran metodologi dalam bab ini.

Bab Empat membincangkan kajian kes ke atas Komiti Sekolah di Batubara, Indonesia. Ia meliputi sejarah, peranan, fungsi, dan perkembangan Komiti Sekolah secara am di Batubara terutamanya.

Bab Lima memaparkan hasil analisis data daripada pelaksanaan kedua-dua pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Data yang diperolehi melalui edaran borang kaji selidik dianalisis menggunakan pendekatan kuantitatif, manakala hasil temubual dengan pihak Komiti Sekolah dianalisis menggunakan pendekatan yang bersifat kualitatif. Pada akhir bab ini, tahap prestasi Komiti Sekolah terhadap pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri di Batubara turut dibincangkan.

Bab Enam, yang mana merupakan bab rumusan, mengupas penemuan kajian terhadap penilaian penglibatan Komiti Sekolah dalam pengurusan fasiliti sekolah dasar negeri di Batubara. Bab ini juga merumuskan kesimpulan terhadap kajian pengurusan fasiliti berasaskan masyarakat (CbFM) dalam konteks pendidikan dengan mengambil kajian kes Komiti Sekolah yang terdapat di Indonesia. Selain daripada memberikan cadangan bagi kajian lanjutan, bab ini juga memaparkan perbincangan rumusan terhadap pencapaian persoalan kajian, objektif kajian serta keberkesanan metodologi yang diaplikasi dalam kajian ini.



PTU
PERPUSTAKAAN FUNKSI TUNJANG AMINAH

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab satu membincangkan latar belakang, persoalan kajian, objektif kajian dan skop kajian yang menjadi fokus penyelidikan ini. Manakala bab dua membahas kajian-kajian terdahulu yang berhubungan dengan Pengurusan Fasiliti sekolah, penglibatan masyarakat dalam Pengurusan Fasiliti (CbFM), fasiliti sekolah, dan kajian-kajian yang berkaitan dengan pengukuran prestasi Pengurusan Fasiliti seperti model *logometrix* yang dikenali sebagai pendekatan untuk mengukur prestasi sebuah organisasi dalam menguruskan fasiliti awam. Kajian literatur ini dapat memberikan penerangan secara teori mengenai kewujudan Komite Sekolah dalam proses pengurusan fasiliti sekolah. Selain itu kefahaman melalui kajian literatur ini telah dapat dijadikan aras serta pemangkin bagi merekabentuk kerangka konseptual, yang merupakan asas bagi merekabentuk metodologi bagi kajian ini dan pada masa yang sama dapat memberikan kemudahan bagi mencapai objektif kajian.



2.2 Pengurusan Fasiliti

Pengurusan Fasiliti adalah satu bidang yang dianggap baru yang memperkenalkan strategi yang perlu dipertimbangkan oleh sebuah organisasi dalam mencapai aktiviti terasnya. Menurut Hakim *et al.*(2006), Pengurusan Fasiliti merupakan bidang yang penting dalam memastikan kejayaan sesebuah organisasi sama ada yang berteraskan keuntungan ataupun tidak. Sebelum diteruskan kepada perbincangan kajian literatur, bahagian berikut menumpukan perhatian kepada definisi khusus yang digunakan dalam perbincangan kajian sebelumnya.

2.2.1 Definisi Pengurusan Fasiliti

Facility Management Institute (Teicholz, 2001) mendefinisikan Pengurusan Fasiliti sebagai fungsi pengurusan dan koordinasi yang saling berhubungan antara kumpulan orang, proses, dan tempat kerja. Manakala *International Facility Management Association* (IFMA , 2006), mendefinisikan Pengurusan Fasiliti sebagai satu profesion, meliputi pelbagai disiplin yang mengintegrasikan pengurusan modal insan, premis, proses, dan teknologi dalam rangka memastikan keberkesanan sebuah organisasi.

Menurut *British Institute of Facilities Management* (BIFM, 2009), United Kingdom, Pengurusan Fasiliti adalah kesepaduan aktiviti pelbagai disiplin dalam membentuk persekitaran dan pengurusan yang memberi kesan kepada manusia dan tempat kerja. Disamping itu Then (1999), berpendapat Pengurusan Fasiliti tidak hanya dilihat daripada perspektif fizikal dan persekitaran sahaja, malah turut membincangkan tentang keberkesanan pengurusan fasiliti dalam mencapai objektif sesebuah organisasi.

Jika dilihat secara teori, Pengurusan Fasiliti merupakan proses di mana sebuah organisasi memberikan perkhidmatan dalam persekitaran yang berkualiti untuk memenuhi perancangan strategik (Alexander, 1996). Dalam konteks pendidikan, persekitaran yang berkualiti dapat ditingkatkan melalui pengurusan ruang (*space management*) (Rose, 1994; Clothier, 1996; Edwards, 2000; Senter dan


Charles, 2002), pencahayaan (Waddick, 1997), warna, dekorasi, dan perabot (Clothier, 1996; Michael, 1998) dan faktor-faktor yang lain.

Pengurusan Fasilitas di sisi lain adalah serangkaian konsep yang terintegrasi untuk menyokong kegiatan teras sesebuah organisasi, sumbangan yang dihasilkan oleh Pengurusan Fasilitas adalah memberikan kemudahan bagi sebuah organisasi dalam menjalankan tugas utamanya, dan bagi dimensi pengguna perkhidmatan daripada organisasi tersebut adalah untuk memenuhi kehendak pelanggan.

Barret (1995), dan Nordic (2003), juga menjelaskan bahawa Pengurusan Fasilitas merupakan pendekatan yang terintegrasi antara faktor operasional, pengekalan, meningkatkan dan menyesuaikan bangunan dan infrastruktur daripada sebuah organisasi untuk mencipta persekitaran yang menyokong tujuan utama daripada sebuah organisasi. Manakala Van den Ende (2001), mengemukakan Pengurusan Fasilitas sebagai sebuah Pengurusan yang efektif, efisien, dan bersepadu yang dapat menyumbang sesebuah organisasi secara berterusan ke arah mencapai objektifnya.

Di samping itu, IFMA (2003), menyatakan tujuan Pengurusan Fasilitas adalah berupa kegiatan yang menciptakan, menyelenggara dan mengembangkan perkhidmatan harta tanah bagi keperluan strategi utama sesebuah organisasi. Definisi Pengurusan Fasilitas sebagaimana diberikan IFMA (2006) dalam konteks profesion yang meliputi pelbagai disiplin dalam menjamin keberfungsian persekitaran kerja dalam mengintegrasikan modal insan, tempat kerja, proses kerja dan teknologi diilustrasikan melalui Rajah 2.1.





Rajah 2.1: Definisi Pengurusan Fasiliti (Diadaptasi dari IFMA ,
Wan Zahari, 2008,)

2.2.2 Tujuan Pengurusan Fasiliti

Menurut Hakim *et al.* (2006) Pengurusan Fasiliti adalah memberi kepuasan yang optimum kepada semua yang terlibat. Manakala Baldry *et al.* (2003), menyatakan bahawa Pengurusan Fasiliti merupakan pendekatan bersepadu dalam sesebuah organisasi untuk menciptakan persekitaran yang menyokong objektif utama organisasi berkenaan. Tujuan Pengurusan Fasiliti tidak hanya memberikan fokus kepada hal fizikal sahaja, bahkan yang berkaitan dengan keberkesanan teknologi maklumat, tenaga kerja, dan sistem komunikasi juga dianggap penting dalam Pengurusan Fasiliti. Atkin (2009), menyatakan bahawa walau apapun definisi Pengurusan Fasiliti yang diterimapakai, Pengurusan Fasiliti menekankan kepada aspek yang bersepadu, disiplin yang saling berkaitan, dan bertujuan untuk menyokong tercapainya tujuan sesebuah organisasi.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Atkin (2003), fungsi pengurusan fasiliti dihuraikan seperti berikut:

- (i) Menyampaikan perkhidmatan yang efektif dan responsif.
- (ii) Memungkinkan perubahan dalam penggunaan ruang pada masa hadapan.
- (iii) Mengoptimumkan penggunaan aset serta kos pembiayaan.
- (iv) Mewujudkan kelebihan bersaing untuk organisasi perniagaan teras.
- (v) Mempertingkatkan imej dan budaya kerja organisasi.

2.2.3 Proses dalam Pengurusan Fasiliti

Hakim *et al.* (2006) menyatakan bahawa proses pengurusan perkhidmatan yang dibincangkan oleh Norman (1991) dapat diadaptasikan dalam pengurusan fasiliti. Proses tersebut boleh dibahagikan kepada enam tahap; iaitu mengenal pasti, merancang, merekabentuk, melaksana, mengawas, mengawal dan menilai. Rajah 2.2 di bawah menjelaskan secara ilustrasi keenam-enam tahap tersebut.



Rajah 2.2: Proses Pengurusan Fasiliti (Norman, 1991)

Berikutnya, Atkin (2003), menegaskan bahawa Pengurusan Fasiliti juga dikenali sebagai kegiatan yang sifatnya menyokong aktiviti teras sesebuah organisasi. Menurutnya keberkesanan Pengurusan Fasiliti dapat dilihat daripada kemampuan untuk menciptakan dan melaksanakan amalan yang dapat mengurangi risiko dan menambah nilai bagi aktiviti teras sesebuah organisasi.

Mengenal Pasti Keperluan

Menurut Hakim *et al.* (2006), pengguna dalaman dan pengguna luaran merupakan perkara utama yang perlu dikenal pasti. Ciri dan latar belakang pengguna merupakan faktor yang perlu untuk diketahui bagi menentukan keperluan pengguna sebagai fokus utama. Ia menambahkan bahawa keperluan ini melibatkan tahap kepuasan pengguna terhadap fasiliti yang ada dan perkhidmatan yang diberikan kepada mereka.

Merancang

Dalam aktiviti ini, Hakim *et al.* (2006) menjelaskan bahawa ianya melibatkan usaha memperincikan keperluan pengurusan fasiliti agar dapat benar-benar difahami dan boleh dilaksanakan dengan berkesan.

Mereka Bentuk

Mereka bentuk menurut Hakim *et al.* (2006) terdiri daripada aktiviti mereka bentuk produk, sama ada barangan ataupun perkhidmatan yang bersifat memenuhi keperluan dan kepuasan pengguna. Ia menambahkan, konsep produk perlu dipertimbangkan mengikut kesesuaian, citarasa dan aliran pengguna.

Melaksana Keperluan

Pelaksanaan pengurusan fasiliti menurut Hakim *et al.* (2006) dapat dibahagikan kepada empat bahagian utama, iaitu perolehan sumber, dokumentasi, pemberian atau pelaksanaan, dan pengendalian fasiliti.

Mengawas dan Mengawal Pelaksanaan Keperluan

Hakim *et al.* (2006) menyatakan bahawa proses mengawas dan mengawal kerja dan aktiviti pengurusan fasiliti perlu dilakukan secara berterusan. Ianya perlu dilaksanakan agar aktiviti pengurusan fasiliti dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh organisasi.

Menilai

Aktiviti penilaian menurut Hakim *et al.* (2006) perlu dibuat bagi memastikan kerja dan aktiviti pengurusan fasiliti telah dijalankan dan menepati kualiti yang ditetapkan. Menurutnya, terdapat beberapa indikator yang dapat digunakan dalam menilai prestasi pengurusan fasiliti, antara lain: kos pengurusan fasiliti, gangguan masa untuk memulih sistem bekalan, kepuasan pengguna, pelanggan terhadap suasana dan budaya kerja organisasi, masa tindak balas dalam menyelesaikan masalah pengurusan fasiliti, keberkesanan latihan kepada pengguna, dan kesesuaian penggunaan ruang kerja dalam bangunan berdasarkan operasi yang dijalankan.

2.3 Pengurusan Fasiliti Sekolah

Merujuk kepada beberapa penyelidik iaitu (Alexander, 1992, 1996; Laird, 1994; Then, 1999), secara umumnya, Pengurusan Fasiliti mengandungi enam aspek, yang dapat disesuaikan dalam prinsip Pengurusan Fasiliti di sekolah, iaitu seperti berikut:

1. Menyediakan persekitaran yang selesa dan efektif
2. Mengoptimumkan penggunaan sumber
3. Menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan bersifat kos efektif
4. Menyokong situasi yang dinamik
5. Meningkatkan keberkesanan organisasi
6. Melibatkan sejumlah aktiviti-aktiviti multidisiplin dan prinsip pengurusan.

Menurut Asiabaka (2008), secara strategiknya, pengurusan fasiliti sekolah dapat berfungsi sebagai kaedah strategik yang berguna dalam menentukan polisi fasiliti sekolah yang menghasilkan tersedianya persekitaran yang berkesan bagi aktiviti belajar dan mengajar di sekolah. Namun ia menambahkan, masalah utama dalam pengurusan fasiliti sekolah adalah kerana terbatasnya kefahaman dan bimbingan dalam melahirkan polisi yang berhubung dengan infrastruktur sekolah.

Selain itu, pengurusan fasiliti sekolah ditentukan oleh pihak kerajaan, ia juga memerlukan penglibatan masyarakat dalam menghasilkan pengurusan yang berkesan, sehingga sekolah dapat memberikan perkhidmatan secara meluas kepada masyarakat.

Pengurusan fasiliti sekolah merupakan bahagian yang terintegrasi daripada pengurusan sekolah secara keseluruhan. Menurut Asiabaka (2008), fasiliti mempunyai erti penting dalam memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif di sekolah. Oleh itu, ia menambahkan, pengurusan fasiliti memerlukan usaha bersepadu dari semua pihak yang berkepentingan di sekolah, dan juga pihak yang mempunyai kepakaran bagi menentukan keperluan fasiliti yang sesuai dan tepat dalam kaitannya dengan objektif pembelajaran di sekolah.

2.3.1 Keperluan Pengurusan Fasiliti di Sekolah Dasar

Proses pembelajaran yang baik memerlukan persekitaran yang teratur bagi menyokong pengajar dan murid untuk menerima dan menyampaikan pembelajaran dengan baik

Di Indonesia, Pengurusan Fasiliti di sekolah dasar negeri mempunyai peranan yang signifikan dalam menciptakan suasana pembelajaran yang berkesan bagi pengajar dan murid, dan suasana tersebut akan memberikan impak yang positif kepada prestasi pelajar.

Berbagai kajian mengenai pentingnya pengurusan fasiliti di setiap sekolah dasar negeri telah dijalankan. Kiffah (2001), menyatakan bahawa misi dari proses Pengurusan Fasiliti adalah bagi memastikan setiap bilik darjah berada dalam keadaan bersih, sihat dan selamat. Manakala Uline *et al.* (2008), menunjukkan bahawa fasiliti yang tidak mencukupi memberikan kesan pada prestasi belajar dan mengajar, kesihatan dan keselamatan pelajar dan guru. Dalam ulasannya mengenai fasiliti sekolah, Uline (2008), menjelaskan bahawa faktor yang menyebabkan terjejasnya kualiti fasiliti sekolah juga meliputi keadaan persekitaran pembelajaran yang ekstrem ataupun kurangnya bajet bagi penyelenggaraan fasiliti.

Li *et al.* (2005), menggambarkan persekitaran pembelajaran terutamanya bangunan sekolah yang semakin tua, akan berdepan dengan permasalahan penyelenggaraan fasiliti yang harus disesuaikan dengan keperluan persekitaran pengajar. Pembinaan bangunan sekolah yang baru adalah sangat membantu dalam menaiktaraf fasiliti sekolah dan bagi menyediakan kualiti pendidikan yang lebih baik, selain memberikan perhatian terhadap standard kesihatan dalam persekitaran. Lackney (1999), menyatakan bahawa persekitaran fizikal, termasuk bangunan sekolah adalah perkara yang tidak dapat dinafikan sebagai bahagian yang tergabung dalam konteks ekologi pembelajaran.

Bullock (2007), juga menjelaskan bahawa sejumlah pelajar berkemungkinan boleh mencapai prestasi yang lebih baik dalam bangunan yang lebih baru atau baru sahaja selesai diubahsuai, berbanding dengan pelajar yang menggunakan bangunan lama. Manakala Payant (2007), menyatakan fasiliti seharusnya disesuaikan dengan standard yang diperlukan oleh pengguna. Beliau ia juga membuat kesimpulan bahawa rendahnya perhatian masyarakat akan mempengaruhi para tenaga pendidik,

penggubal polisi, dan sistem pendidikan bagi menentukan arahan yang tepat dalam memastikan fasiliti sekolah yang berkualiti.

2.3.2 *Hard and Soft Facility Management* dalam Pembelajaran

Peranan Pengurusan Fasiliti adalah bagi menyediakan persekitaran yang kondusif, efektif dan berkualiti bagi pelajar dan pengajar di sekolah demi mewujudkan pendidikan yang berkualiti. Fasiliti merupakan sebahagian dari aset dalam sebuah organisasi yang mana berperanan dalam menyokong pengguna untuk mencapai tujuan tertentu terutama dalam proses teras (Wes dan Danny, 1999; Alexander, 1996). Peranan fasiliti bagi sebuah sekolah adalah bertujuan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang selesa bagi pelajar. Menurut Mei-Yung Leung (2005), Pengurusan Fasiliti dalam pembelajaran cukup luas, terdiri daripada Pengurusan Fasiliti yang bersifat *hard* dan *soft* (keras dan lembut).

Hard facility management terdiri daripada beberapa aktiviti termasuklah: susun atur tempat duduk, kepadatan penghunian ruang, pencahayaan, warna dan dekorasi, perabot dan pengudaraan. Manakala *soft facility management* meliputi beberapa aktiviti antaranya: sokongan teknikal, keselamatan dan keamanan, dan keperluan fasiliti yang mencukupi.



PERPUSTAKAAN FUNKSI UTM AMINAH


2.3.3 Rekabentuk Fasiliti Ruang Pembelajaran

Menurut Hakim *et al.* (2006), fasiliti memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran. Keadaan fasiliti yang baik dapat membantu pelajar melahirkan tumpuan yang baik serta dapat meningkatkan mutu dan kesempurnaan pembelajaran.

Hakim *et al.* (2006), mengenal pasti lima komponen terpenting dalam menyediakan fasiliti persekitaran pembelajaran yang optimum iaitu:

1. Saiz dan bentuk yang dikaitkan dengan fleksibiliti dan penyesuaian
2. Pengawalan akustik
3. Pencahayaan dan pandangan yang dijangka akan memberikan persekitaran dan suasana pembelajaran yang optimum
4. Suhu dan pengudaraan
5. Warna yang menjadikan persekitaran dan suasana pembelajaran yang baik.

Joseph dan Michael (2001), juga menjelaskan bahawa dalam merekabentuk ruang dan fasiliti, penekanan haruslah diberikan kepada keluasan ruang atau saiz ruang, susun atur tempat duduk, pintu dan tingkap, punca elektrik, pencahayaan, kesan bunyi, suhu dan pengudaraan, kecerahan warna bilik kuliah serta papan putih. Rajah 2.3 di bawah menjelaskan reka bentuk fasiliti pembelajaran oleh Joseph dan Michael.



Rajah 2.3: Reka Bentuk Fasiliti Pembelajaran (Joseph dan Michael 2001)

Fasiliti merupakan produk mahupun perkhidmatan yang memudahkan bagi sesebuah organisasi untuk mencapai tujuan tertentu. Secara umumnya, (Wes dan Danny, 1999; Alexander, 1996) menyatakan bahawa fasiliti biasanya membentuk bahagian harta dalam sebuah organisasi untuk menyokong pekerja mencapai matlamat perniagaan. Dalam konteks organisasi pendidikan, seperti sekolah, ia bertujuan untuk mencipta suasana pembelajaran yang selesa bagi murid, guru, dan pengguna lainnya dalam sesebuah sekolah.

Kajian sebelumnya yang berkaitan dengan fasiliti (Uline dan Tschannen-Moran, 2008; Kennedy, 2007; Mendell dan Heath, 2005; Earthman dan Lemasters, 1997), menunjukkan bahawa fasiliti yang tidak cukup akan mempengaruhi prestasi belajar dan mengajar, serta keselamatan dan kesihatan guru dan murid.

Menurut Mei-yung Leung (2005), komponen dan unsur Pengurusan Fasiliti yang efektif dapat meningkatkan persekitaran pembelajaran dalam sekolah yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Komponen dan unsur Pengurusan Fasiliti dalam sekolah dasar (Mei-yung Leung, 2005)

| Komponen | Unsur |
|-----------------------------|--|
| Pengurusan Ruang | <ul style="list-style-type: none"> • Saiz perabot, keselesaan perabot • Laluan • Susun atur tempat duduk • Kepadatan |
| Pelengkapan Mengajar | <ul style="list-style-type: none"> • Projektor • TV • Komputer |
| Pencahayaan dan Pengudaraan | <ul style="list-style-type: none"> • Cahaya matahari • Kualiti udara • Lampu • Tingkap dan pintu |
| Suasana yang selesa | <ul style="list-style-type: none"> • Kebersihan • Kekemasan |
| Fasiliti tambahan | <ul style="list-style-type: none"> • Papan buletin • Sudut perpustakaan • Kawasan Perbincangan kumpulan |

Samdal *et.al* (1999), menjelaskan bahawa persekitaran sekolah secara psikologi mempengaruhi keadaan sekolah (*school climate*), misalnya autonomi, pengawasan, pengurusan, hubungan sosial, dan kepuasan pelajar. Lackney (1999), memberikan penjelasan bahawa persekitaran fizikal seperti bangunan sekolah adalah bahagian yang terintegrasi daripada faktor ekologi dalam konteks pembelajaran.

Selain itu Samdal *et.al* (1999), juga menyatakan bahawa dalam pengurusan fasiliti sekolah, juga terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi persekitaran pembelajaran. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

(i) Pencahayaan

Dalam membangunkan persekitaran pembelajaran, pencahayaan dapat disediakan baik secara semulajadi mahupun buatan. Cahaya dapat mempengaruhi kesihatan dan prestasi pelajar. Menurut Lewy *et al.* (1982), pencahayaan yang cukup, mampu meningkatkan produktiviti, kualiti, semangat pengguna, dan penjimatan tenaga. Hakim *et al.* (2006) juga menjelaskan bahawa sistem pencahayaan merupakan satu faktor yang penting dalam penyediaan fasiliti ruang pembelajaran. Sistem pencahayaan memberi kesan terhadap kesihatan dan juga tahap penumpuan pelajar dalam proses pembelajaran. Pencahayaan yang tidak sesuai boleh menyebabkan ketegangan mata dan menyebabkan pelajar menjadi lesu dan ini akan mengganggu tumpuan atau pembelajaran.

(ii) Pengudaraan (suhu)

Menurut Sulaiman (1988), pengudaraan adalah proses untuk mengekalkan setiap keselesaan suhu, kelembapan, dan oksigen di dalam sesuatu ruang dengan memasukkan udara bersih ke dalam ruang bagi menggantikan udara yang kotor ataupun yang telah digunakan. Hakim (2005), berpendapat bahawa udara dan keadaan yang panas dalam bilik kuliah boleh menyebabkan pelajar menjadi resah dan mengantuk. Suasana seperti ini dapat mengurangkan tumpuan pelajar dalam proses pembelajaran.

RUJUKAN

- Alexander, K. (1992). Quality Managed Facilities. *Journal Facilities*, Vol. 10 No.2, pp.29-33.
- Alexander, K. (1994). A Strategy for Facilities Management. *Facilities*, 12 (11). pp.6-11.
- Alexander, K. (1996). *Facilities Management: Theory and Practice*. London: E & FN Spon.
- Alexander, K. (2003a). *Business case for managing facilities*, in Heller, R. (Eds), *Finance Today: Living with Change*. London: Sovereign Publications.
- Alexander, K. (2010). *Usability of Learning Environment*. Netherland: Research Report on International Council for Research and Innovation in Building and Construction. CIB General Secretariat.
- Alexander, K., & Brown, M. (2006). Community based facility management. *Journal of Facilities*. Vol.24, No.7/8, pp.250-268.
- Anne, W., Dodd, W., and Jean L.K. (2007). *How Communities Build Stronger Schools*. New York: Palgrave Macmillan.
- Ary, D. Jacobs, L. C., and Razaviegh, A. (1990). *Introduction to Research in Education*. Orlando: Holt, Rinchart and Winston, Inc
- Ary, D., Jacobs, L.C., Razavieh, A., and Sorensen, C. (2006). *Introduction to Research in Education*. 7th ed. USA: Thomson Wadsworth.
- Asiabaka, I. P. (2008). The Need for Effective Facility Management in Schools in Nigeria. *New York Science Journal*, Vol.1(2), pp 10-21.
- Atkin, B., & Brooks, A. (2003). *Total Facilities Management*. Oxford: Blackwell Science. Ltd.
- Atkin, B., & Brooks, A. (2005). *Total Facilities Management*. Second Edition Oxford: Blackwell Science. Ltd.
- Atkin, B., & Brooks, A. (2009). *Total Facilities Management*. 3rd ed. Oxford: Blackwell Science. Ltd.

- Baker, N. (1996). The Irritable Occupant: Recent Developments in Thermal Comfort Theory. *Architectural Research Quarterly*, Vol. 2.
- Baldry, D., and Barret, P.(2003). *Facilities Management: Towards Best Practice*.2nd ed. London: Blackwell Science Ltd.
- Barnard, C.I. (1962). *The Functions of the Executive*. Cambridge: Harvard University Press.
- Barrett, P. (1995). *Facilities Management: Towards Better Practice*. Oxford: Blackwell Science.
- Baum, S, H. (2003). *Community Action for School Reform*. USA: State University of New York Press.
- BIFM (2009) *Facilities Management Introduction*. Dicapai pada Desember 2009, dari: <http://www.bifm.org.uk/bifm/about/facilities>
- Blair, T. (2006). *Strong and prosperous communities*. October 2006 Crown Copyright. Dicapai pada Februari, 2009, dari: <http://www.communities.gov.uk/documents/localgovernment/pdf/152456.pdf>
- Bobo, K, J Kendall and S Max. (2001). *Organizing For Social Change: Midwest Academy Manual for Activists*. Santa Ana, California: Seven Locks Press
- Bodgan, R.C., & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative research for education: an Introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Bogdan, R. & Taylor, S.J. (1984). *Introduction to Qualitative Research Method*. New York: John Wiley.
- Brackertz, N (2002). A Service Delivery Approach to measuring facility Performance in Local Government. *Journal of Facilities*, Vol.20, No.3/4, pp. 127-135.
- Brackertz. N. (2006) Relating Physical and service performance in local government community facilities. *Facilities*, Vol.24, No.7/8, pp.280-291.
- Bryman, A. (2004). *Social Research Methods*. UK: Oxford University Press.
- Bullock, C.C. (2007). *The Relationship Between School Building Conditions and Student Achievement at The Middle School Level In the Commonwealth of Virginia*, Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburgh, VA. Tesis Phd.
- Cain, C.T. (2004). *Performance Measurement for Construction Profitability*, Oxford: Blackwell Publishing.

- CFM (2005). *Facilities Management: UK Market Analysis*, Centre for Facilities Management, University of Salford, Manchester.
- CFM (2006). *Facilities Management: UK Market Analysis*, Centre for Facilities Management, University of Salford, Manchester.
- Clothier, P. (1996). *The Complete Computer Trainer*. New York: McGraw-Hill.
- Cresswell, W. J. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches*. London: Sage Publications.
- Creswell, W. J. (1994). *Research Design, Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 1st. ed. London: Sage Publications.
- Departemen Pendidikan Kabupaten Batubara (2009). *Laporan Kondisi Sarana dan Prasarana*. Batubara: Dikdasmen Kabupaten Batubara
- Departemen Pendidikan Nasional (2001). *Manajemen Peningkatan Mutu Berbasis Sekolah, Buku 1 Konsep dan Pelaksanaan*. Jakarta: Dirjen Dikdasmen.
- Departemen Pendidikan Nasional (2008). *Ikhtisar Data Pendidikan Nasional Tahun 2007/2008*. Jakarta: Badan Penelitian dan Pengembangan Pusat Statistik Pendidikan.
- Departemen Pendidikan Nasional (2009). *Manajemen Berbasis Sekolah (MBS)*. Jakarta: Dirjen Dikdasmen.
- Departemen Pendidikan Nasional. (2009). *151 Butir Tanya Jawab Dewan Pendidikan dan Komite Sekolah*. Jakarta: Direktorat Jenderal Manajemen Pendidikan Dasar dan Menengah
- Departemen Pendidikan Nasional.(2006). *Pemberdayaan Komite Sekolah, Modul 1: Penguatan Kelembagaan Komite Sekolah*. Jakarta: Direktorat Jenderal Manajemen Pendidikan Dasar dan Menengah.
- Drury, C. (2000). *Management and Cost Accounting* 5th Ed. Italy : Thomson Learning. 928-942.
- Duffy, F., Laing, A., and Crisp, V. (1992). The responsible workplace. *Journal of Facilities*, Vol.10, No.11, pp.9-15.
- Earthman, G.I. (2004). *Prioritization of 31 Criteria for School Building Adequacy*. Maryland: American Civil Liberties Union Foundation.
- Earthman, G.I. (2007). *Prioritization of 31 Criteria for School Building Adequacy*. Maryland: American Civil Liberties Union Foundation.
- Earthman, G.I. and Lemasters, L. (1997). The impact of school buildings on student achievement and behavior. *PEB Exchange*, Vol. 30, pp. 11-15.

- Earthman, G.I. and Lemasters, L.K. (2004), *School Maintenance and Renovation: Administrator Policies, Practices, and Economics*. Lancaster, PA : Proactive Publications,.
- Earthman, G.I., & Lemasters, L. (2009). *Teacher attitudes about classroom conditions*. *Journal of Educational Administration*, 47(3), 323-335.
- Earthman, G.I., Lemasters, L. (1998). *Where children learn: a discussion of how a facility affects learning*, paper presented at the Annual Meeting of Virginia Educational Facility Planners, Blacksburg, VA
- Edwards, C.H. (2000). *Classroom Discipline and Management*. 3rd ed. New York: Wiley.
- Edwards, M.M. (1992). *Building Conditions, Parental Involvement and Student Achievement in the D.C. Public School System*. Georgetown University, Washington: Thesis Sarjana.
- Eisner, E.W. (1991). *The Enlightened Eye: Qualitative Inquiry and The Enhancement Of Educational Practice*. New York, NY: Mc. Millan Publishing Company.
- FIFMA (2003). *Definition of Facility Management*. Dicapai pada Jun 24, 2009, dari: <http://www.fifma.org/>
- Frankel R., Naslund D., & Bolumole Y. (2005). The white space of logistics research: a look at the role of methods usage. *Journal of Business Logistics*, Vol. 26, No2, pp. 185-209.
- Gay, L. R. (1987). *Educational Research Competencies for Analysis and Application*. New York: Macmillan.
- Gay,L.R & Airasian,P.W. (2000). *Competencies for Analysis and Application*. 6th Ed. New Jersey: Upper Saddle River.
- Ghauri, P. and Grønhaug. K. (2002). *Research Methods in Business Studies: a Practical Guide*. London: Pearson Higher Education
- Gilgun, J. F. (1994). *Hand into Glove: The Grounded Theory Approach and Social Work Practice Research*. New York: Columbia University Press.
- Godber, Y.E. (2002) *School Climate: Understanding Parent Perspectives To Strengthen Family-School Relationships*. Minnesota University: Thesis Phd.
- Government of Western Australia (2007). *Curriculum framework for kindergarten to year 12 education in Western Australia*. Dicapai pada Mac 24, 2010 dari <http://www.curriculum.wa.edu.au/internet/>

- Grimshaw, R.W. (2001). Ethical issues and agendas. *Facilities*, Vol. 19, No.1/2, pp. 43-51.
- Grimshaw, R.W. (2002). FM: the professional interface. *Facilities*, Vol. 21 No 3/4, pp. 50-7.
- Grimshaw, R.W. (2004). *Space, Place and People: FM and Critical Theory*. London: Spon.
- Hakim, A.M., Sapri,M., and Baba, M. (2006), *Pengurusan Fasilitas*.Malaysia: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Harian Analisa (2008). *508 Ruang Belajar di Batubara Rusak Berat*. Dicapai pada Januari 4, 2009, dari: <http://www.isekolah.org/>
- IFMA (2003). *Definition of Facilities Management*. International Facility Management association. Dicapai pada Jun 24, 2009, dari URL: <http://www.ifma.org>
- IFMA (2006). *Definition of Facility Management*. Dicapai pada Jun 24, 2009, dari http://www.ifma.org/what_is_fm/index.cfm
- Indonesia (1999). *Undang-Undang Republik Indonesia tentang Pemerintahan Daerah*: No.22 tahun 1999.
- Indonesia (2002). *Keputusan Menteri Pendidikan No. 044 tahun 2002*.
- Indonesia (2003). *Undang-Undang Republik Indonesia tentang Sistem Pendidikan Nasional*: No. 20 tahun 2003.
- Indonesia (2004). *Undang-Undang Republik Indonesia tentang Sistem Pemerintahan Daerah*: No.32 tahun 2004.
- James P. Spradley (1980). *Taxonomic Analysis: Participant Observation*. Fort Worth: Harcourt Brace
- Jennifer, C.G. (2007). *Mixed Methods in Social Inquiry*. San Francisco: John Wiley & Sons, Inc.
- Joseph. D.C. dan J.C. Michael. (2001) *Time Saver Standards for Building Types*. New York: McGraw-Hill.
- Kaplan, R.S. dan Norton, D.P. (1992). The balanced scorecard to strategy gauge – measure that drive performance. *Harvard Business Review*. 70 (1). 71-79.
- Kasim, R. (2006). FM as a social enterprise. *Journal of Facilities* Vol.24 No.7/8, pp. 293-299.
- Kennedy, M. (2007). Acoustics. *American School and University*. Vol. 80, No.7,

- Kiffah, J.W. (2001). Development and Implementation of a Service Quality Rating System for Facilities Management in Urban Public School District. Wayne State University: of Michigan: Tesis Phd.
- Krejcie, R.V, & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities, educational and psychological measurement. *Journal of Educational and Psychological Measurement*. Vol.30. pp. 607-610.
- Lackney, J.A. (1999). Assessing school facilities for learning/assessing the impact of the physical environment of educational process: integrating theoretical issues with practical concerns. *Proceeding on UEF21* New Jersey Institute of Technology Newark, NJ
- Lai, J. H. K., dan W. H. Y, Francis. (2007). Monitoring building operation and maintenance contract. *Facilities*, Vol.25, No. 5/6, 238-251.
- Laird, S. (1994). Total facilities management. *Facilities*, Vol. 12, No.13, pp.25-36.
- Lebo, C.P. and Oliphant, K.S. (1968). Music as a source of acoustic trauma. *Laryngoscope*, Vol. 78, pp. 1211-18.
- Lemasters, L.K. (1997). *A Synthesis of Studies Pertaining to Facilities, Student Achievement, aAnd Student Behavior*. Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburg, VA: PhD Tesis.
- Lewy, A.J., Kern, H.A., Rosenthal, N.E., and Wehr, T.A. (1982). Bright artificial light treatment of a manic-depressive patient with a seasonal mood cycle. *American Journal of Psychiatry*, Vol. 139, pp. 1496-98.
- Li, P.P., Locke, J., Nair, P. and Bunting, A. (2005). Creating 21st Century Learning Environments, PEB Exchange, Programme. *Educational Building*, Vol. 2005 No. 10, pp. 15-26.
- Likert, R. (1932). *A Technique for The Measurement of Attitudes*. Archives of Psychology, 140.
- Lowe, J.M. (1990). *The interface between Educational Facilities and Learning Climate in Three Elementary Schools*. Texas A&M University, College Station, TX: Thesis Ph.D.
- Marshall, R.M., & Rossman, G.B. (1989). *Designing Qualitative Research*. Thousand Oaks : SAGE Publication.
- Mather, K., Worrall, L., and Seifert, R. (2007). Reforming further education: the changing labour process for college lecturers. *Personnel Review*, Vol. 36 No.1, pp.109-27.

- McAndrew, F.T. (1993). *Environmental Psychology*. CA: Brooks/Cole Pacific Grove CA.
- McGuffey, C. (1982). *Improving Educational Standards and Productivity*. CA: McCutchan, Berkeley.
- Mei, Y.L. (2005). Enhancement of classroom facilities of primary schools and its impact on learning behaviours of student. *Journal of Facilities*, Vol. 23, No.13/14. pp. 585-594.
- Mendell, M.J. and Heath, G.A. (2005). Do indoor pollutants and thermal conditions in schools influence student performance? A critical review of the literature. *Journal of Indoor Air*, Vol. 15 No. 1, pp. 27-52.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, SB and associates (2002). *Qualitative Research in Practice*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Michael, S.O. (1998). Best practices in information technology (IT) management: Insights from K-12 schools' technology audits. *The International Journal of Educational Management*, Vol. 12, No.6, pp.277-88.
- Miles, M.B & Huberman, A.M. (1994). *Qualitative Data Analysis: An Expanded Source Book*. 2nd ed. Thousand Oaks, Califf: Usage Publishers.
- Nasution, S. (2004). *Metode Research*, Edisi Pertama. Yogyakarta: Bumi Aksara,.
- Nasution, S (2007). *Metode Research*, Edisi Kedua. Yogyakarta: Bumi Aksara,.
- Nordic FM (2003). *Nordic Facilities Management Network Definition of Facilities Management*.
- Normann, R. (1991). *Service Managemen and Leadership in Service Business*. 2nd ed. Chichester: John Wiley & Sons.
- Nutt, B. (1999). Linking FM Practice and Research. *Facilities* Vol.17, No.12,
- Nutt, B. (2004a). Editorial: new alignments in FM. *Facilities*, Vol. 22 No.13/14, pp.330-4.
- Nutt, B. (2004b). Infrastructure resources: forging alignments between supply and demand. *Facilities*, Vol. 22 No 13/14, pp. 335-43.
- Othman, R. (2009). Implementing school performance index (SPIn) in malaysian primary school. *International Journal of Educational Management*. Vol.23 No.6, pp. 505-522.
- Parker, C. (2000). Performance Measurement. *Work Study*. 49 (2). 63-66.

- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Newbury Park London New Delhi :SAGE Publications.
- Payant, R.P. & Lewis, B.T. (2007). *Facility Manager's Maintenance Handbook*, Hill New York: McGraw NY.
- Pervez, N., Ghauri. & Grounhaug, K. (2002). *Research methods in business studies : a practical guide*, Financial Times Prentice Hall. Harlow. pp. 14-21.
- Price, I. (2002). Can FM evolve? If not, what future? *Journal of Facilities Management*, Vol. 1, No.1, pp.56-69.
- Price, I. (2004). Business critical FM. *Facilities*, Vol. 22, No. 3/14, pp. 353-8.
- Rencana Strategis Departemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia, 2005-2009 (2005). Dicapai pada Februari, 2009, dari: <http://www.diknas.go.id>
- Richard Normann. (1991). *Services Management Strategy and Leadership In Service Business*. 2nd. ed. England: John Wiley & Sous Ltd.
- Roest, P. (1997). The Golden Rules for implementing The Balanced Business Scorecard. *Information Management & Computer Security*. 163-165.
- Rose, J. (1994). *Human Stress and the Environment: Health Aspects*. Philadelphia, PA: Gordon and Breach Science Publishers.
- Samdal, O., Wold, B., Bronis, M. (1999). Relationship between students' perceptions of school environment, their satisfaction with school and perceived academic achievement: an international study. *School Effectiveness and School Improvement*, Vol. 10, No.3, pp.296-320.
- Saricco, S.C. (2004). Measuring and Comparing the Performance of Portuguese Secondary School: A Confontration between metric and practice Benchmarking. *Journal of Productivity and Performance Measurement* . Vol.58 Iss: 8, pp.767-786.
- Sekaran, U. (2003). *Research Method for Business: A Skill Building Approach*. New Delhi: Ar. Emm International Publisher.
- Senter, G.W., & Charles, C.M. (2002). *Elementary Classroom Management*. 3rd ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Simamora, B. (2004). *Panduan Riset Perilaku Konsumen*. Cetakan Kedua. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Sommer, R., and Olsen, H. (1980). The Soft Classroom. *Environment and Behavior*, Vol.12, pp.3-16.

- Spradley, J. P. (1980). *Participant Observation*. Orlando, FL: Harcourt Brace Jovanovich College Publishers.
- Strauss, A., and Corbin, J. (1990). *Basics of Qualitative Research, Ground Theory Procedures and Techniques*. London: Sage Publications.
- Suharsini, A. (1998). *Manajemen Penelitian*. Cetakan Pertama. Jakarta : Rineka Cipta.
- Suharsini, A. (2005). *Manajemen Penelitian*. Cetakan Ketujuh. Jakarta : Rineka Cipta.
- Sulaiman, S. (1988). *Pengudaraan dan Sistem Hawa Dingin*. Malaysia: PenerbitUniversiti Teknologi Malaysia.
- Suparlan (2008). *Mencerdaskan Kehidupan bangsa dari Konsepsi sampai dengan Implementasi*. Yogyakarta: Hikayat Publishing
- Suparlan (2009). *Komite Sekolah*. Sejarah dan Prospeknya di Masa Depan. Yogyakarta: Hikayat Publishing.
- Teicholz, E. (2001). *Facility Design and Management Handbook*. New York: McGraw-Hill.
- Then, S.S. (1999). An integrated resource management view of facilities management. *Facilities*, Vol. 17. No.12, pp.462-9.
- Todaro, M. P. (2000). *Economic Development*. 7th ed. New York: Addison-Wesley.
- Tschannen-Moran, M., Parish, J. and DiPaola, M.F. (2006). School climate and state standards: how interpersonal relationships influence student achievement. *Journal of School Leadership*, Vol. 16. No.4, pp.386-415.
- Uline, C. and Tschannen-Moran, M. (2008). The walls speak: the interplay of quality facilities, school climate, and student achievement. *Journal of Educational Administration*, Vol. 46, No.1, pp.55-73.
- Uline, C.L. (1997). School architecture as a subject of inquiry. *Journal of School Leadership* (7), pp.194-209.
- UNESCO (2008). *EFA Global Monitoring Report*. Dicapai pada Desember 2008, dari: <http://unesdoc.unesco.org/images/0015/001548/154820e.pdf>
- Van den Ende, M. (2001). Facility management and service concepts. *Proceeding of International Research Seminar on Real Estate Management*. Espoo
- Waddick, J. (1997). Physical considerations in the development of a computer. *Journal of Educational Technology*, Vol. 28, No.1, pp.69-71.

- Wan Zahari, W.Y., (2008). *Menilai Kualiti Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan Menggunakan FM-SERVQUAL*. UTHM: Tesis Ph.D.
- Wes, M., and Danny, S.T. (1999). *Facilities Management and the Business of Space*. South America: John Wiley & Sons.
- World Bank (2008). *World Bank and Education in Indonesia*. Dicapai pada April 24, 2009, dari: <http://go.worldbank.org/VUK7DZAN10/>
- Yin, K. R. (2005). *Case Study Research. Design and Methods*. 3rd. ed. USA: Sage Publications.
- Yu, Ma & Liu, K. (2010). Impact analysis of facilities management outsourcing through a case study of Cisco HQ Building. *Proceeding of IEEE on World Congress on Intelligent Control and Automation*. Pp.5221-5227.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH